

**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PENGENDALI SISTEM KANAN (C.1-2 EB.3)
PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENGENDALI SISTEM KANAN
PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (*ND*) atau sebanding dalam bidang Pengajian Komputer / Sistem Maklumat atau bidang bersesuaian.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Berpengetahuan praktikal dalam proses pengoperasian atau pentadbiran teknologi maklumat.
3. Berkemahiran dalam teknologi-teknologi maklumat semasa.
4. Berkebolehan dalam komunikasi lisan dan tulisan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab bagi pengendalian sistem-sistem;
2. Bertanggungjawab memberikan tunjuk ajar kepada Pengendali Sistem dan menyediakan jadual kerja masing-masing;
3. Membantu dalam melatih pengguna dalam penggunaan sistem (*ICT*);
4. Bertanggungjawab dalam memantau pengendalian sistem *back up, restore* dan *back-up media* dan *housekeeping* termasuk laman web, pemeliharaan, keselamatan dan lain-lain yang berkaitan dengan operasi sistem;



5. Membantu memantau dan melaksanakan kerja-kerja pengurusan aset (*ICT*) (*asset management*) infrastruktur rangkaian (*network*);
6. Membantu hal ehwal pengurusan pembekal (*vendor management*) yang berkaitan dengan urusan operasi (*ICT*); dan
7. Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan atau wakilnya dari semasa ke semasa.